

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXIII)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR  
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

17. Senaraikan bilangan penerima pinjaman mikro kredit bawah Kerajaan Negeri mengikut DUN.
- (a) Berapa ramai mendapat manfaat sama ada berjaya menambah pendapatan atau mengembangkan perniagaan?

**YB. DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI HUSSAIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Bilangan penerima pinjaman Skim Pinjaman Harapan (SPH) yang merupakan skim pinjaman mikrokredit Kerajaan Negeri sejak tahun 2009 hingga 29 Februari 2020 mengikut daerah adalah seperti berikut:-

<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Peminjam</b>	<b>Peratusan</b>
Barat Daya	1086	31%
Timur Laut	659	19%
Seberang Perai Utara	536	15%
Seberang Perai Selatan	547	15%
Seberang Perai tengah	692	20%
<b>JUMLAH</b>	<b>3,520</b>	<b>100%</b>

Pecahan data peminjam SPH adalah mengikut daerah memandangkan data peminjam SPH tidak direkodkan berdasarkan kawasan DUN.

- (a) Sejak tahun 2009 sehingga 29 Februari 2020, seramai 3,520 peminjam telah mendapat manfaat daripada SPH sama ada berjaya menambah pendapatan atau mengembangkan

perniagaan masing-masing dengan pinjaman keseluruhan berjumlah RM19.14 juta.